

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SELANGORKINI

TARIKH : 29 APRIL 2016 – 6 MEI 2016

KERATAN AKHBAR

Pembenihan awan diteruskan, tingkat paras air empangan

SHAH ALAM - Proses pembenihan awan dilakukan secara konsisten, sejak 2015 bagi memastikan paras air di empangan utama meningkat, kata Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri kini sedang mempertimbang sebarang keperluan meningkatkan operasi tersebut menggunakan teknologi terkini.

"Kita jalankan operasi pembenihan awan untuk tempoh

panjang sebelum ini dan ini-siatif itu menyumbang kepada keadaan kita mendapat hujan walaupun dalam keadaan cuaca panas.

"Tapi, sehingga kini kita memutuskan sekiranya ada keperluan untuk meningkatkan operasi pembenihan awan, kita laksanakannya dengan menggunakan teknologi terkini," katanya.

Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri juga bersedia terhadap sebarang kemung-

kinan sekiranya faktor panas melampau berlanjutan untuk tempoh tertentu.

"Kita memantau hampir setiap jam paras air di empangan dan sungai seluruh negeri. Minggu lepas, kita ada buat mesyuarat khas tentang perkara ini kerana memang ada empangan dilaporkan berada di tahap rendah.

"Tetapi kita ambil langkah proaktif sebelum ini termasuk pembinaan kolam HORAS di Bestari Jaya yang boleh pam-

kan air ke dalam sungai di Selangor," katanya.

Sebelum ini, projek Hybrid Off River Augmentation System (HORAS) merupakan satu daripada tiga tugas utama dilaksanakan Kerajaan Negeri sementara menanti siapnya Loji Rawatan Air Langat 2 dan sistem agihan (LRAL2) sempena memorandum persefahaman (MOU) Kerajaan Negeri dan Pusat sebelum ini.

Kos pembinaan HORAS termasuk kerja mengorek ko-

lam dianggarkan berjumlah RM405 juta dan fasa pertama pembinaannya siap sepenuhnya tahun lalu.



UNIT KORPORAT

TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,
NO.3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM
TELEFON:03-55111800 / FAX:03-55101800